



**SURAT EDARAN PENTADBIRAN
BILANGAN 5 TAHUN 2018**

**MAJLIS PELANCARAN MYREN-X DAN
INISIATIF KAMPUS PINTAR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
(UTeM)**

Pejabat Pendaftar
6 Mac 2018 | 18 Jamadilakhir 1439H

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)
Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)
Pegawai-Pegawai Kanan
YDP Majlis Perwakilan Pelajar

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.02.05.03/100-3/2/3 Jld.5 (5)

6 MAC 2018
18 JAMADILAKHIR 1439H

SURAT EDARAN PENTADBIRAN BIL. 5/2018

MAJLIS PELANCARAN MYREN-X DAN INISIATIF KAMPUS PINTAR UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada bulan Oktober 2017 telah melancarkan MYREN-X atau Malaysian Research and Education Network, suatu perkhidmatan jalur lebar dengan kepantasan 100 *gigabytes* setiap saat dan bertujuan untuk mempertingkatkan proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan di Universiti Awam Malaysia.

Justeru, UTeM melalui Pejabat Ketua Pegawai Maklumat melaksanakan beberapa inisiatif menerusi tiga (3) Pusat Tanggungjawab (PTj) di bawah tadbir urusnya iaitu Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK), Perpustakaan Laman Hikmah dan Penerbit Universiti akan mengadakan Majlis Pelancaran MYREN-X Dan Inisiatif Kampus Pintar UTeM. Majlis ini akan dirasmikan oleh **YB. Dato' Seri Idris bin Jusoh, Menteri Pendidikan Tinggi**.

2. Sehubungan dengan itu, kehadiran staf dan wakil dari Majlis Perwakilan Pelajar adalah **DIMESTIKAN**. Semua Ketua PTj / Pengarah / Ketua Bahagian adalah bertanggungjawab untuk memastikan kehadiran staf. Kehadiran akan direkodkan sewaktu pendaftaran dan setelah selesai majlis (terdapat 3 lokasi perakam waktu bertempat di hadapan dewan, sisi kiri tepi dewan dan sisi kanan tepi dewan).

3. Pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran berjalan seperti biasa. Tuntutan mata CPD akan diuruskan oleh pihak urus setia. Atur cara majlis seperti di **LAMPIRAN 1**.

Sekian, terima kasih.

"KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN"

Saya yang menurut perintah,



MASDZARIF BIN MAHAT
Timbalan Pendaftar Kanan
Pejabat Pendaftar

/NMY

**ATUR CARA
MAJLIS PELANCARAN MYREN-X DAN
INISIATIF KAMPUS PINTAR UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**TARIKH : 12 MAC 2018 (ISNIN)
TEMPAT : DEWAN CANSOLOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

- 2.15 petang : **Ketibaan Para Tetamu & Jemputan**
- 2.30 petang : **Ketibaan Tetamu Kehormat**
- 2.35 petang : **Ketibaan YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin bin Sahib,
Naib Canselor UTeM**
- 2.40 petang : **Ketibaan YBhg. Academician Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, FASc.
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti**
- 2.50 petang : **Ketibaan YB. Datuk Dr. Mary Yap Kain Ching,
Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi**
- 3.00 petang : **Ketibaan YB. Dato' Seri Idris bin Jusoh,
Menteri Pendidikan Tinggi**
- : **Nyanyian Lagu**
Negaraku
Melaka Maju Jaya
UTeM Terbilang
- : **Bacaan Doa**
- : **Persembahan Multimedia**
- : **Ucapan Aluan oleh YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin bin Sahib,
Naib Canselor UTeM**
- : **Ucapan Pelancaran MYREN-X dan Inisiatif Kampus Pintar Universiti
Teknikal Malaysia Melaka oleh YB. Dato' Seri Idris bin Jusoh, Menteri
Pendidikan Tinggi**
- : **Gimik Pelancaran**
- : **Sesi Pertukaran Kontrak**
- : **Lawatan ke Perpustakaan Laman Hikmah**
- : **Lawatan dan Perasmian Kolej Kediaman Satria**
- 5.30 petang : **Kudapan Petang**
: **Majlis Bersurai**

Pakaian : Pakaian Pejabat

